Kertas 1

Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1 – 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1 Banyak orang berkelah di _____ pantai itu pada hujung minggu kerana pantainya bersih dan udaranya nyaman.
- **A** tepi
- **B** antara
- **C** tengah
- **D** hujung

2 Ratu Terjun Negara, Cheong Jun Hoong dinobatkan sebagai _____ Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2017.
- **A** olahragawan
- **B** olahragawati
- **C** mahasiswa
- **D** karyawan

3 Pemain yang _____ taraf cemerlang dalam bidang sukan tertentu dapat menjadikan sukan sebagai kerjaya dan meraih pendapatan lumayan.
- **A** capaian
- **B** tercapai
- **C** mencapai
- **D** pencapaian

Soalan 4 – 5

Bahagian yang **bergaris** *dalam ayat berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A**, **B** *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan**.

4 Rakyat akan sihat bila aktiviti sukan dijadikan amalan.
- **A** bila jadikan aktiviti sukan sebagai amalan
- **B** apabila aktiviti sukan dijadikan amalan
- **C** apabila menjadi amalan aktiviti sukan
- **D** bila aktiviti sukan dijadikan amalan

5 Aktiviti senamrobik dapat mempertingkatkan lagi kecekapan sistem peredaran darah.
- **A** dapat mempertingkatkan kecekapan lagi
- **B** dapat meningkatkan kecekapan
- **C** dapat meningkat kecekapan
- **D** dapat mempertingkatkan lagi kecekapan

Soalan 6 – 8

Ayat-ayat di bawah **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A**, **B** *atau* **C** *dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan* **D**.
Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

6 Sukan merupakan (A) saluran yang paling berkesan sekali (B) untuk menyatukan rakyat pelbagai (C) kaum di Malaysia. Tiada kesalahan. (D)

7 Hari Sukan Negara diadakan (A) untuk menggalakkan (B) rakyat supaya agar (C) sentiasa bersukan. Tiada kesalahan. (D)

8 Pelbagai (A) manfaat dapat kita peroleh (B) dari (C) aktiviti riadah yang dilakukan bersama-sama ahli keluarga. Tiada kesalahan. (D)

Ulasan Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 12 Jawapan yang tepat ialah D: II, III dan IV sahaja. Dalam ayat I, kata kerja transitif aktif ***membezakan*** mesti diikuti oleh objek.

LIVEWORKSHEETS